

04 MAY 1997

Langkawi-Universiti (Fokus Berita)
LANGKAWI PULA AKAN ADA SEBUAH UNIVERSITI

Oleh: Nor Hammad Wariman dan Zulkafli Ibrahim

LANGKAWI, 4 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Sanusi Junid memang terkenal dengan mencetus idea untuk menyuntikkan kesegaran terhadap sesuatu kawasan.

Baru-baru ini, Menteri Besar Kedah itu bercakap mahu menubuhkan sebuah universiti di Langkawi yang selama ini terkenal hanya sebagai sebuah pusat pelancongan.

Apabila beliau berura-ura mahu mewujudkan sebuah universiti yang berkonsepkan futuristik itu, sesetengah pihak tidak memandangnya secara serius berhubung perkara itu.

Malah ada yang berkata universiti yang dicadangkan itu yang bakal diberi nama Langkawi International University of Tomorrow, hanya khayalan beliau semata-mata.

Bagaimanapun, bagi Sanusi, cakap-cakap yang seolah-olah memperkecilkannya dalam soal ini, hanya akan menguatkan lagi keazamannya untuk menjadikan projek itu satu realiti.

"Pihak-pihak tertentu yang tidak percaya dengan penubuhan universiti itu sama dengan tidak percaya Sanusi menjadi Menteri Besar Kedah," begitulah antara luahannya baru-baru ini.

Keyakinan beliau itu sebenarnya bersandarkan hakikat yang nyata kerana menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah menyetujuinya.

"Kita akan memulakan pengambilan pelajar awal tahun depan yang akan ditempatkan di kampus sementara di sini," katanya bagi menguatkan hujahnya.

Beliau berkata urusan mengenai universiti itu dengan Kementerian Pendidikan kini dikendalikan oleh sebuah sekretariat penubuhan universiti berkenaan.

Sanusi juga dijangka mengadakan mesyuarat dengan wakil beberapa buah universiti yang telah mengemukakan cadangan mengenai jenis fakulti yang akan diadakan di universiti itu.

Universiti itu yang akan dibina di Pulau Tuba antara lain menawarkan pengajian dalam bidang robotik, kajian laut, pelancongan dan sukan dan prosesewartakan pulau itu sedang giat dijalankan oleh kerajaan negeri.

Mungkin tidak ramai yang menjangka Pulau Tuba, dalam gugusan Langkawi, dipilih. Hanya Sanusi sahaja yang boleh memberikan jawapan berhubung perkara itu.

Tuba dengan keluasan 1,900 hektar merupakan pulau ketiga terbesar selepas Langkawi dan Pulau Dayang Bunting yang didiami lebih 3,000 orang penduduk kebanyakannya nelayan.

Ia mengandungi tiga kawasan penempatan utama iaitu Barat, Timur dan Selatan iaitu Kampung Pulau Tuba, Kampung Teluk Bujur, Kampung Lubuk Etok, Kampung Teluk Berembang, Kampung Lubuk Chempedak, Kampung Bagan Asam dan Kampung Bagan Pauh.

Ramai berpendapat penubuhan universiti itu akan menjadi pendorong kepada anak-anak dan penduduk pulau itu untuk terus mempertingkatkan pencapaian pelajaran bagi menghadapi cabaran masa depan.

Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi, Haji Hashim Ismail berkata daripada segi kemudahan pendidikan, Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan untuk membina sekolah menengah yang pertama di Pulau Tuba dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Katanya, pada masa ini, kebanyakan anak-anak pulau itu dihantar ke Langkawi untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Mahsuri dan Sekolah Menengah Tunku Putra serta sekolah-sekolah di tanah besar

Semenanjung.

Pada masa ini, Tuba mempunyai dua sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba dan Sekolah Kebangsaan Lubuk Chempedak dengan kedua-duanya mempunyai kira-kira 400 pelajar.

Hashim berkata usaha mewujudkan universiti itu dapat menjadikannya sebuah pusat pengembangan ilmu bagi kawasan utara selain Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Haji Abdul Halil Mutalib pula berkata, kerajaan memberi perhatian dalam menyediakan kemudahan infrastruktur untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sebagai menyokong pembangunan pulau itu.

Beliau berkata kemudahan yang dicadangkan ialah pembinaan rangkaian jalan yang menghubungkan Tuba barat dan timur sejauh 12km, sistem bekalan air dan pembinaan jeti penumpang.

Abdul Halil berkata nama pulau itu diambil sempena pokok tuba yang banyak terdapat di pulau itu yang diterokai oleh "Tok Bagus", seorang pedagang dari Indonesia, kira-kira 300 tahun lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Tuba Barat, Abdul Rani Awang berkata penduduk kampung menaruh sepenuh keyakinan kepada kerajaan untuk mewujudkan universiti di pulau itu.

"Kami tidak pernah bermimpi universiti seumpama itu akan dibina di sini dan berharap ia dapat menjadi pendorong kepada anak-anak Langkawi terutama penduduk Tuba untuk mendapat ilmu dan faedah daripadanya," katanya.

Sementara itu, anak tempatan pulau itu, Puan Farishah Murad, 30, lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun 1987, menyambut baik cadangan mewujudkan universiti itu kerana ia dapat memberikan dorongan kepada penduduk pulau itu terutama kepada generasi muda.

Usaha itu menunjukkan komitmen kerajaan untuk membawa universiti sehingga "ke pintu rumah" dan "insentif" seperti ini perlu direbut, katanya. -- BERNAMA

NH ZI AKD